

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, July 16, 2019 10:16 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Level Up @ Schools Dedah Pembangunan Permainan Digital 3D



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

16 JULAI 2019 / 13 ZULKAEDAH 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Muhammad Ridhuan Abdullah
Gambar oleh: SCIMPA

LEVEL UP @ SCHOOLS DEDAH PEMBANGUNAN PERMAINAN DIGITAL 3D



UUM ONLINE: Malaysia Digital Economic Corporation (MDEC) telah melantik Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA) sebagai rakan strategik untuk mengadakan Program Kejurulatihan Level Up @ Schools, baru-baru ini.

Program yang dianjurkan buat kali kedua itu turut mendapat kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan telah disertai 40 pelajar dari 10 sekolah menengah seluruh negeri Kedah.

Dekan SCIMPA, Dr. Ahmad Hisham Zainal Abidin berkata, program tersebut menjadi platform kepada peserta untuk menerima pendedahan tentang pembangunan permainan digital 3D oleh fasilitator terdiri tenaga akademik dan pelajar tahun akhir SCIMPA.

Menurutnya, modul yang ditulis oleh tenaga akademik SCIMPA iaitu Abdul Syafiq Bahrin dan Dr. Juliana Aida Abu Bakar telah diangkat sebagai pengisian bagi program tersebut.

Katanya, program seperti itu amat bermakna kerana dapat memberi nilai tambah kepada modal insan dalam industri permainan digital yang merupakan salah satu cabang dalam dasar industri kreatif negara.

Sementara itu, wakil MDEC, Khairunnisa Shaharudin turut berkongsi tentang kerjaya dalam industri itu dan mempromosikan *healthy gaming* kepada peserta.

“Untuk menjadi seorang *professional gaming*, seseorang perlu menjaga pemakanan dan senaman seperti pemain sukan fizikal lain kerana stamina pemain perlu sentiasa tinggi untuk kekal fokus,” katanya.

Di akhir program, Dr. Ahmad Hisham telah menyampaikan sijil penyertaan dan cenderamata kepada peserta dan wakil MDEC.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.